

UMS lancar sistem sumber manusia secara portal

Hs. NST 17.5.2013 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang berazam untuk menjadi antara institusi penyelidikan yang terkemuka di dunia, melancarkan sistem sumber manusia secara portal kelmarin.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Mohd Harun Abdullah berkata dengan adanya sistem seumpama itu, akan dapat mempermudahkan lagi setiap data bagi warga UMS.

“Banyak penambahanbaikan dapat dilakukan melalui sistem ini bagi menggantikan sistem yang sedia ada sebelum ini,” katanya kepada pemberita selepas menyem-

purnakan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 bagi petugas UMS di kampus induk di Likas, dekat sini kelmarin.

Mohd Harun turut menyifatkan penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi sebagai langkah yang baik terutama dalam aspek membuat keputusan.

“Jentera pentadbiran terutama dalam aspek pendidikan lebih teratur, dapat mengelak perbezaan pendapat ke arah pendidikan yang lebih sistematik,” katanya.

Pada majlis tersebut, 1,655 orang petugas UMS menerima anugerah perkhidmatan cemerlang masing-masing dalam pelbagai kategori.